

D925

U 8877 DEB  
MAHATHIR - RUMAH

JOHOR BAHRU, 21 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RUMAH KOS RENDAH BINAAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA MASIH MAHAL HARGANYA DAN DI LUAR KEMAMPUAN MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH.

PERDANA MENTERI BERKATA FAKTOR PALING KRITIKAL YANG PERLU DITITIKBERATKAN DALAM USAHA MENGATASI MASALAH PERUMAHAN IALAH KEMAMPUAN GOLONGAN TERSEBUT MEMBELINYA.

USAHA KERAJAAN JOHOR MENGANJURKAN PERTANDINGAN SEMI BINA DAN PEMBANGUNAN RUMAH KOS RENDAH MERUPAKAN LANGKAH YANG WAJAR, KATANYA DALAM BUKU CENDERAMATA SEMENA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PARA PEMENANG PERTANDINGAN ITU.

PERDANA MENTERI AKAN MENYAMPAIKAN HADIAH TERSEBUT PADA SATU MAJLIS DI TAPAK RUMAH CONTOH DI SINI ESOK.

BELIAU BERKATA PERTANDINGAN ITU MERUPAKAN SATU USAHA MENGATASI MASALAH KEMAMPUAN MEMBELI RUMAH KOS RENDAH DAN BERHARAP MATLAMAT PERTANDINGAN UNTUK MENDAPATKAN BEBERAPA +PROTOTYPE+ RUMAH KOS RENDAH YANG INGIN DIMILIKI DAN SELESA DIDIAMI AKAN TERCAPAI. -- LAGI.  
1821MST 21 01 88

D926

U 8878 DEB  
MAHATHIR - RUMAH 2 JOHOR BAHRU

BELIAU JUGA BERHARAP PROJEK-PROJEK PERUMAHAN YANG AKAN DIADAKAN DI JOHOR AKAN MENGGUNAKAN REKABENTUK YANG BERJAYA DALAM PERTANDINGAN INI SELARAS DENGAN CITA-CITA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SOSIAL DAN KEMUDAHAN ASAS YANG SECUKUPNYA.

MENTERI BESAR, HAJI MUHYIDDIN YASSIN, DALAM KATA-KATA ALUANNYA PULA BERKATA KERAJAAN NEGERI AKAN MENGADAKAN SATU DASAR SUPAYA SEMUA RUMAH KOS RENDAH BINAAN KERAJAAN DAN SWASTA MENGIKUT REKABENTUK YANG BERJAYA DALAM PERTANDINGAN ITU. -- BERNAMA.  
1822MST 21 01 88